



**UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,
2009** PG. 22

PG. 7



**Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri**

PG. 10



**Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12**

■ **UiTM Sarawak
Conference** PG. 4
2008

■ **Diploma Show:
Pelajar Grafik**
PG. 34

■ **UiTM Sarawak At
The International
Level** PG. 40

52 orang pelajar anak BERNAS hadiri bengkel motivasi



TERIMALAH...Encik Bahari Aluwan menyampaikan cenderahati daripada BERNAS kepada Dr. Firdaus Abdullah sambil disaksikan Encik Ismail Yusuf (kiri sekali) semasa majlis penutupan bengkel motivasi pelajar anjuran Kelab BERNAS di Auditorium 1, Universiti Teknologi MARA Sarawak.

SAMARAHAN, Selasa – Seramai 52 orang pelajar yang bakal menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah mengikuti bengkel motivasi pelajar anjuran Kelab BERNAS di Auditorium 1, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak baru-baru ini.

Kesemua pelajar terbabit yang merupakan anak-anak kakitangan BERNAS telah dipilih mengikuti bengkel motivasi selama empat hari itu dengan berkonsepkan kerohanian.

Bengkel yang merupakan kali keempat dianjurkan bertujuan membangkitkan kesedaran di kalangan anak-anak kakitangan BERNAS dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi pada masa yang sama mempunyai aspek moral dan nilai murni yang tinggi.

Sehubungan itu, sepanjang bengkel ini berlangsung, kesemua aktiviti ceramah telah dikendalikan oleh penceramah dan fasilitator berwibawa daripada Persatuan Fitrah Perkasa.

Para pelajar turut didedah dan dibekalkan dengan penerangan serta tips-tips berguna untuk menghadapi peperiksaan. Selain itu, mereka juga diterap dengan aspek kepimpinan dan semangat kerja berpasukan yang sememangnya penting untuk melahirkan pelajar yang cemerlang.

Upacara penutupan bengkel disempurnakan oleh Pengurus Besar Kanan Bahagian Modal Insan BERNAS merangkap Presiden Kelab BERNAS, Encik Bahari Aluwan. Hadir sama adalah Dr. Firdaus Abdullah, Ketua Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa yang mewakili Pengarah UiTM Sarawak, Yang Dipertua Kelab BERNAS Sarawak, Encik Ismail Yusuf, barisan penceramah serta ibu bapa para pelajar.

Dalam upacara penutupan itu, dua pelajar terbaik telah dipilih di kalangan para peserta iaitu, Mohd Nor Amin Ismail dan Ami Amirah Ismail.

Lawatan UiTM Sabah

SAMARAHAN, Selasa – Seramai 10 orang kakitangan Universiti Teknologi MARA Sabah (UiTM Sabah) mengadakan lawatan penandaarasan ke UiTM Sarawak pada 26 Mei 2009. Lawatan tersebut diketuai oleh Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Sabah, Awang Bakar Awang Tatam manakala Ketua Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa, Dr. Firdaus Abdullah yang mewakili Pengarah Kampus, Dr. Jamil Haji Hamali memberi taklimat ringkas mengenai perkembangan kampus UiTM Sarawak kepada rombongan.

Menurut Awang Bakar, lawatan penandaarasan itu tujuan untuk melihat sendiri perkara-perkara terbaik yang telah dilaksanakan di UiTM Sarawak dan boleh dibawa balik serta diamalkan di UiTM Sabah.

"Jika 10-15 tahun dulu, UiTM Sarawak yang datang ke Sabah untuk melihat dan belajar sesuatu dari kita di Sabah. Tapi sekarang, kita pula yang datang ke sini untuk belajar sesuatu dengan Sarawak," katanya dalam ucapan balas sempena lawatan penandaarasan UiTM Sabah ke UiTM Sarawak yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama UiTM Sarawak di sini hari ini.

Beliau berharap, menerusi lawatan tersebut, dapat memberi sesuatu yang lebih bermakna kepada ahli rombongan yang terlibat dalam lawatan itu.

Rombongan UiTM Sabah turut di bawa melawat ke kawasan persekitaran UiTM Sarawak seperti bahagian perpustakaan, bahagian pentadbiran, kewangan, unit komunikasi korporat dan perhubungan antarabangsa dan unit keselamatan.



TERIMALAH...Awang Bakar Awang Tatam (kiri) menyerahkan cenderahati kepada Dr. Firdaus Abdullah selepas sesi taklimat sempena lawatan penandaarasan UiTM Sabah ke UiTM Sarawak yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama UiTM Sarawak.



KENANGAN...Rombongan UiTM Sabah yang diketuai oleh Awang Bakar Awang Tatam (depan dua dari kanan) merakamkan gambar kenang-kenangan bersama kakitangan UiTM Sarawak yang diketuai oleh Dr. Firdaus Abdullah (depan tiga dari kanan).



Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK